

Dugong tarik perhatian penduduk



Kehadiran seekor dugong di kawasan laut Kampung Laut Sim-Sim, menarik perhatian penduduk, semalam.

SANDAKAN - Kehadiran seekor dugong di kawasan laut Kampung Laut Sim-Sim, di sini, semalam, menarik perhatian penduduk di kampung itu.

Dugong itu kelihatan berenang di bawah laluan Jambatan 8 perkampungan atas air itu kira-kira jam 8.30 pagi.

Jabatan Hidupan Liar Sandakan telah menghantar anggota Unit Penyelamat Hidupan Liar di kawasan berkenaan untuk melakukan pemantauan.

Pegawai Hidupan Liar Sandakan, Hussein Muin berkata, pemantauan dilakukan kerana dugong tersenarai dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 sebagai haiwan dilindungi.

Menurutnya, penduduk di kampung berkenaan juga diminta memberi kerjasama dalam membantu usaha konservasi dengan tidak mengganggu sekiranya ada dugong berenang di kawasan perairan kampung.

"Pihak jabatan juga telah membuat perbincangan awal dengan Fakulti Marin Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengenai kehadiran dugong di kawasan berkenaan.

"Pihak UMS akan menghantar penyelidik untuk mengumpul data tentang kehadiran spesies dugong di kawasan tersebut," katanya. - *Bernama*